

# UMNO Johor beri jaminan sokong Timbalan Presiden pilihan Abdullah

UM 18 JUN 2003

PETALING JAYA 17 Jun — UMNO Johor akan menyokong sesiapa sahaja yang dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, UMNO Johor juga memberikan jaminan akan tetap menerima sesiapa sahaja yang diputuskan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri nanti.

“Kita tidak kata kalau dipilih dari Johor kita gembira dan kalau tidak daripadanya kita tidak gembira. Tidak.” katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas melancarkan buku *Bingkisan Media* di Hotel Hilton Petaling Jaya di sini hari ini.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor menjelaskan, sokongan kepada pucuk pimpinan yang akan dipilih oleh Abdullah adalah tanda kesetiaan kepada UMNO.

Katanya, kesetiaan UMNO Johor telah terbukti sejak terjadi peralihan

kepimpinan parti daripada Allahyarham Datuk Onn Jaafar kepada Tunku Abdul Rahman Putra lagi.

Beliau menyerahkan kepada Abdullah untuk membuat pilihan yang bijak sebagaimana pengakuan yang diberikan di samping mengharapkan ahli-ahli UMNO tidak mencetuskan sebarang pergolakan kepada parti.

Pemilihan Timbalan Perdana Menteri yang bakal menjadi Timbalan Presiden UMNO akan dibuat oleh Abdullah selepas beliau menduduki jawatan Perdana Menteri berikutan persaraan Dr. Mahathir Oktober nanti.

Abdul Ghani tetap yakin ahli-ahli UMNO sudah matang dan tidak akan mencetuskan suasana yang tidak stabil kepada parti selepas diputuskan pelantikan itu nanti.

Sementara beliau berkata, sebagai pengerusi perhubungan negeri beliau berhasrat memberikan ucapan pada Perhimpunan Agung UMNO nanti menurus kepada cita-cita supaya diteruskan perjuangan par-

ti sebagaimana yang dianggap oleh Dr. Mahathir belum selesai lagi.

Di samping itu beliau akan merujuk ucapannya itu kepada suasana perhimpunan itu yang merupakan peralihan kuasa nukuk pimpinan yang merupakan catatan sejarah kepada parti dan negara.

Beliau yang akan menggantikan perwakilan me-

ngenai ketertiban peralihan kuasa secara bijak dan bermaruah akan juga menyentuh berkenaan cabaran terhadap pilihan raya umum yang bakal menyusul kemudiannya.

Sebelum itu Abdul Ghani melancarkan buku yang diterbitkan oleh Universiti Malaya sebagai penghargaan kepada khidmat Profesor Datuk Abu Bakar

Hamid, 65, anak Johor yang pernah menjadi tenaga pengajar dan Naib Canselor universiti itu.

Buku berkenaan memuatkan sumbangan penulisan 25 orang sarjana dalam tiga bidang iaitu sastera dan persuratan, kewartawanan serta filem yang belum pernah diterbitkan sebelum ini.